

Hak semua kaum terjamin

BH 14 APR 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat
- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata setiap rakyat, sama ada kaum majoriti atau minoriti, tetap mempunyai hak masing-masing yang dijamin kerajaan.

Perdana Menteri berkata tidak ada diskriminasi perkauman di Malaysia dan semua kaum bebas mengamalkan agama, budaya dan bahasa mereka tanpa gangguan.

"Kita di Malaysia sesungguhnya amat bertuah kerana di negara kita yang berbilang kaum dan agama ini terdapat pelbagai budaya dan adat resam yang semestinya harus kita hargai sebagai khazanah yang dapat memperkayakan budaya kita sebagai rakyat di negara ini," katanya dalam perutusan sempena perayaan Hari Vaisakhi.

Hari Vaisakhi yang diraikan masyarakat keturunan Sikh adalah perayaan yang dikaitkan dengan musim menuai di zaman silam. Ia juga diraikan untuk 'menyucikan diri' dan menyeru ke arah kebaikan.

Dr Mahathir berkata kaum Sikh merupakan satu daripada kaum minoriti di Malaysia yang tetap menerima layanan sama dan tidak ada diskriminasi bagi mereka untuk mengamalkan kepercayaan dan adat resam mereka serta membina rumah ibadat.

"Ini sebenarnya adalah nikmat bagi kita rakyat Malaysia. Kita perlu menghargai dan mensyukuri segala kesenangan dan keamanan yang kita alami sebagai rakyat Malaysia dan terus bekerja keras untuk memperbaiki lagi keadaan ini," katanya.